

PM enggan komen lagi kenyataan Kuan Yew

PUTRAJAYA 5 Okt. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kenyataan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew bahawa orang Cina di Malaysia dipinggirkan secara sistematik setakat ini tidak memberi kesan lain ke atas hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Menurut Perdana Menteri, masalah yang dihadapi sekarang ialah ucapan bekas Perdana Menteri republik itu sebelum ini menimbulkan ketidakselesaan.

Sehubungan itu, katanya, pihaknya tidak akan mengeluarkan sebarang kenyataan lagi berhubung perkara tersebut.

"Saya tidak akan membuat apa-apa lagi kenyataan, saya sudah katakan saya tidak mahu menyatakan lagi (mengenai isu kenyataan Kuan Yew).

"Pihak Jemaah Menteri pun telah bersetuju dengan pendirian yang saya ambil (maklum balas berhubung surat penjelasan Kuan Yew)," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (NITF) kali kelima di pejabatnya di sini hari ini.